

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang hutang negeri Melaka kepada Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2014 :-

- (a) berikan tarikh-tarikh pinjaman diluluskan dan jadual untuk Kerajaan Negeri Melaka membayar balik; dan
- (b) jumlah yang telah dibayar balik dan peratusan mengikut jadual dari tahun 2000 hingga tahun 2014.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

- (a) Hutang Kerajaan Negeri Melaka dengan Kerajaan Persekutuan

sehingga Disember 2014 berjumlah RM944,824,209.10. Kedudukan pinjaman secara terperinci adalah seperti di Lampiran.

(b) Jumlah bayaran balik dan peratusan oleh Kerajaan Negeri Melaka dari tahun 2000 hingga tahun 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Hutang (RM/Juta)	Jumlah Bayaran Balik (RM/Juta)	% Bayaran Balik
2000	558.81	28.72	5.14
2001	538.45	29.15	5.41
2002	720.27	16.97	2.35
2003	950.40	32.42	3.41
2004	1,065.20	33.91	3.18
2005	1,117.48	32.96	2.95
2006	1,132.37	20.28	1.80
2007	1,179.10	26.83	2.27
2008	1,297.12	8.40	0.64
2009	1,437.48	0.45	0.03
2010	879.66	0.00	0.00
2011	892.34	0.18	0.02
2012	882.14	1.25	0.14
2013	876.73	9.74	1.11
2014*	944.82	12.26	1.30

* Belum diaudit

Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk membiayai projek-projek kemudahan asas untuk faedah rakyat seperti projek bekalan air, perumahan awam kos rendah (PAKR), industri dan lain-lain lagi projek pelbagai. Projek-projek ini merupakan usaha Kerajaan yang berterusan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat negeri Melaka.

SOALAN (314)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah unit CCTV yang dipasang di tempat-tempat awam yang strategik di seluruh negara dan kos keseluruhannya:-

- (a) terdapat berapa unit CCTV telah dipasang di negeri Melaka dan kos penyelenggaraan setiap tahun; dan
- (b) berapa unit masih beroperasi pada masa ini dan berikan sebab-sebab mengapa terdapat sebahagian besar unit CCTV ini tidak dapat beroperasi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Februari tahun 2010, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM60 juta bagi melaksanakan projek pemasangan *Closed-Circuit Television* (CCTV) Fasa 1, termasuk penyenggaraan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara sewaan selama lima tahun. 496 CCTV telah dipasang di 25 PBT di Semenanjung Malaysia ini termasuk di kawasan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) iaitu sebanyak 24 CCTV. Projek ini telah disiapkan keseluruhannya pada 31 Mac 2011.

Pada November tahun 2013 pula, peruntukan berjumlah RM80 juta telah diluluskan bagi melaksanakan projek pemasangan CCTV Fasa 2 di 25 PBT termasuk di negeri Sabah dan Sarawak. Di Melaka, dua (2) PBT mendapat peruntukan tersebut iaitu Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) sebanyak 24 CCTV dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) sebanyak

20 CCTV. Pemasangan CCTV di MPHTJ telah siap dan diserahkan pada PBT dan PDRM pada 27 November 2014. Manakala di MPAG pula, 13 CCTV telah siap pemasangan di Alor Gajah dan baki 7 CCTV di kawasan Masjid Tanah dijangka siap pada bulan Julai 2015.

Keseluruhan CCTV yang dipasang oleh KPKT beroperasi sepenuhnya. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa terdapat CCTV yang tidak beroperasi bagi tempoh yang singkat disebabkan oleh kerosakan peralatan, vandalisme atau kemalangan jalanraya yang melibatkan pelanggaran tiang CCTV, yang mana pihak kontraktor yang dilantik oleh KPKT akan membaikinya dengan sesegera yang mungkin. Untuk makluman, pihak KPKT akan memotong kos sewaan perkhidmatan CCTV kepada pihak kontraktor jika sesuatu kerosakan berlaku lebih daripada tempoh 24 jam sepatimana syarat-syarat kontrak di antara KPKT dan kontraktor pembekal perkhidmatan CCTV.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015